

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 16 JANUARI 2014 (KHAMIS)

| Bil | Tajuk | Akhbar |
|------------|--|-----------------|
| 1. | Ahmad Said ketuai lawatan kerja ke Antartika Sabtu ini | Bernamea.com |
| 2. | MB ketuai lawatan ke Antartika | Utusan Malaysia |



Ahmad Said Ketua Lawatan Kerja Ke Antartika Sabtu Ini

KUALA TERENGGANU, 15 Jan (Bernama) -- Menteri Besar Terengganu Datuk Seri Ahmad Said akan mengetuai lawatan ke Antartika anjuran **Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi** melalui inisiatif Yayasan Diraja Sultan Mizan (YDSM) mulai Sabtu ini.

Pejabat Menteri Besar Terengganu dalam kenyataan Rabu berkata lawatan kerja selama 15 hari itu bertujuan membuka laluan untuk membantu kerajaan menubuhkan sebuah stesen penyelidikan bersama Instituto Antartico Chileno (INACH).

"Lawatan kerja itu menjurus kepada Malaysia sebagai sebuah negara yang dapat menyumbang kepada penyelidikan perubahan cuaca dunia yang semakin tidak menentu.

"Lawatan yang bersifat eksplorasi saintifik itu merupakan susulan daripada lawatan Sultan Terengganu Sultan Mizan Zainal Abidin ke Antartika pada Oktober 2011 yang mahu melihat lebih banyak universiti tempatan melibatkan diri dalam penyelidikan di benua sejuk itu," kata kenyataan itu.

Kenyataan itu berkata Universiti Malaysia Terengganu (UMT) yang akan mengikuti eksplorasi itu telah meletakkan seorang penyelidik di sebuah stesen di Antartika yang dikendalikan Korea Selatan selama tiga bulan.

Sementara itu, Ahmad ketika ditemui berkata adalah menjadi hasrat kerajaan untuk menyediakan platform kepada saintis dan penyelidik untuk menjalin kerjasama strategik dengan Chile.

Penglibatan kerajaan Terengganu dalam misi itu menggambarkan sokongan padu terhadap usaha yang dijalankan di peringkat pusat dan global dan lebih penting ia merupakan usaha untuk melahirkan kumpulan penyelidik yang berwibawa dan dihormati, katanya.

Ahmad berkata beliau dijangka menyaksikan majlis menandatangani Memorandum Persefahaman antara INACH dan YDSM bagi membuka laluan kerjasama dalam bidang penyelidikan di benua itu.

"Dengan termeterai memorandum persefahaman itu, kami yakin dapat menubuhkan sebuah stesen kendalian bersama Malaysia-Chile di Antartika. Ia akan membolehkan lebih ramai pertukaran pelajar dan kakitangan akedemik terlibat dalam penyelidikan di sana," katanya.

Chile akan menjadi tuan rumah kepada delegasi Malaysia yang akan dibawa melawat stesen penyelidikan yang dikendalikan oleh INACH di Antartika.

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 04
TARIKH: 16 JANUARI 2014 (KHAMIS)

MB ketuai lawatan ke Antartika

KUALA TERENGGANU 15 Jan. - Menteri Besar, Datuk Seri Ahmad Said akan mengetuai delegasi Malaysia dalam lawatan kerja ke Antartika bermula 18 Januari ini hingga 2 Februari depan.

Program inisiatif Yayasan Diraja Sultan Mizan (YDSM) yang dianjurkan oleh Ke-

menteri-
an Sains,
Tekno-
logi dan
Alam Se-
kitar itu
bertuju-
an mem-
buka la-
luhan bagi



AHMAD SAID

kerajaan menubuhkan sebuah stesen penyelidikan kendalian bersama dengan Instituto Antartico Chileno (INACH), Chile.

Beliau memberitahu, ia juga akan meletakkan Malaysia sebagai sebuah negara yang mampu menyumbang dan segi penyelidikan berkaitan perubahan cuaca dunia yang semakin tidak menentu.

Katanya, lawatan itu yang lebih bersifat eksplorasi saintifik juga merupakan susulan lawatan Sultan Terengganu, Sultan Mizan Zainal Abidin ke benua itu pada Oktober 2011 yang menyaranakan lebih banyak universiti tempatan melibatkan diri dalam bidang penyelidikan di Antartika.

“Universiti Malaysia Terengganu (UMT) akan turut menyertai eksplorasi kali ini dan UMT telah letakkan seorang penyelidik di sebuah stesen di Antartika selama tiga bulan yang dikendalikan Korea Selatan,” katanya selepas menyempurnakan majlis Pengakuan Menerima Jawatan (Angkat Sumpah) Datuk Bandar, Yang Dipertua dan Anggota-anggota Majlis Pihak Berkuasa Tempatan Terengganu di Wisma Darul Iman di sini hari ini.